

## SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI WAKAF (FAQs)

### 1. Apakah syarat orang yang ingin berwakaf?

- i. *Baligh;*
- ii. *Berakal (sempurna akal fikiran) dan waras pemikirannya;*
- iii. *Harta yang hendak diwakafkan hendaklah dimiliki penuh oleh Pewakaf;*
- iv. *Berwakaf atas kerelaan sendiri tanpa ada paksaan dari sesiapa.*

### 2. Bagaimanakah pelanggan boleh menyumbang ke dalam dana wakaf?

Pelanggan boleh menyumbang dana wakaf melalui:

- ✓ Kaunter
- ✓ Hibah daripada pelanggan Akaun Wadi'ah BMMB
- ✓ Arahan pembayaran berkala (PPI)
- ✓ Tunai
- ✓ Debit daripada akaun simpanan atau semasa
- ✓ Cek dalaman/ tempatan

### 3. Sekiranya pelanggan tidak mempunyai akaun dengan BMMB, adakah mereka masih boleh berwakaf?

*Ya. Sekiranya pelanggan tidak mempunyai akaun di BMMB mereka masih boleh berwakaf dengan mengisi borang / slip wakaf melalui kaunter cawangan BMMB.*

### 4. Berapakah jumlah amaun minimum atau maksimum untuk berwakaf?

*Jumlah minimum untuk seseorang berwakaf adalah sebanyak RM10.00 (RM100 untuk cek) dan amaun maksimum tidak dihadkan.*

### 5. Adakah dibenarkan sekiranya pelanggan bukan warganegara Malaysia berwakaf?

*Ya. Sesiapa sahaja boleh berwakaf walaupun tidak mempunyai akaun dengan BMMB.*

### 6. Kemanakah dana wakaf akan disalurkan?

*Dana wakaf akan dikumpulkan di dalam satu tabung khas dan akan disalurkan untuk tujuan pendidikan, kesihatan dan pelaburan.*

### 7. Adakah pelanggan dari negeri lain boleh berwakaf?

Orang ramai selain dari negeri Selangor juga boleh menyumbang kepada dana wakaf ini.

### 8. Siapa yang layak menerima manfaat wakaf?

*Orang yang layak menerima manfaat harta wakaf adalah orang Islam, merdeka dan golongan zimmi\*. Pentadbir wakaf perlulah mereka yang mampu menjadikan manfaat wakaf sebagai satu cara taqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah S.W.T dan untuk kepentingan Islam sahaja.*

**9. Bolehkah menerima wakaf daripada orang bukan Islam ?**

**Dibenarkan.** Para **ulama' as-Syafie** berpendapat: Wakaf seorang bukan Islam **sah** walaupun untuk masjid walaupun ia bukan berniat taqarrub\*\*. Mereka akan diberi ganjaran atas sedekahnya di dunia, namun di akhirat tiada habuannya untuk mendapat pahala.

Sabda Rasulullah s.a.w:

**“Allah tidak akan mengabaikan kebaikan seorang mukmin, dia akan diberi ganjaran di dunia dan di akhirat. Orang bukan Islam pula akan menerima ganjaran kebaikan yang mereka lakukan kerana Allah semasa di dunia sahaja. Adapun di akhirat kelak, tiada apa-apa habuan dan ganjaran kebaikan untuknya”.**

(Riwayat Muslim)

**10. Bolehkah memberi wakaf kepada orang bukan Islam ?**

Para ulama' as-Syafie **mengharuskan** wakaf kepada golongan bukan Islam ataupun zimmi, selama mana ia tidak bertujuan untuk melakukan maksiat. Ini kerana dibolehkan sedekah kepada golongan ini, maka begitu juga diharuskan wakaf kepada mereka.

Jika didapati ada kemungkinan penerima wakaf akan melakukan maksiat dengan harta tersebut, maka wakaf tersebut tidak sah kerana maksiat tersebut akan menghilangkan hikmah dan tujuan wakaf

**11. Bolehkah memberi wakaf untuk membina gereja atau rumah ibadat orang bukan Islam?**

**Tidak harus** seorang Islam mewakafkan hartanya kepada gereja atau seumpamanya kerana ia membawa kepada perbuatan maksiat.

(al-Fiqh al-Manhaji: Bab wakaf)

**12. Bolehkah memberi wakaf dalam bentuk wang tunai?**

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **dibolehkan** di dalam Islam.

(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali Ke-77)

**13. Bolehkah aset wakaf dilaburkan?**

**Dibenarkan** dilaburkan samada melalui pelaburan secara langsung, atau perkongsian bersama antara pelbagai pewakaf dalam satu portfolio, atau melalui kaedah penerbitan saham wakaf, sebagai galakan untuk aktiviti wakaf dan merealisasikan perkongsian bersama tersebut.

*Pelaburan mestilah pada sektor yang dibenarkan syarak, dan juga sesuai dengan jenis dan sifat aset wakaf tersebut, demi untuk mencapai maslahat wakaf, menjaga nilai asal aset wakaf, dan juga kemaslahatan penerima manfaat wakaf.*

***(Akademi Fiqh Islam OIC (Majma' Al-Fiqh Al-Islami) pada persidangannya yang ke-5 di Muscat, Oman, pada 6-11 Mac 2004)***

**14. Adakah terdapat perbezaan antara wakaf dan sedekah?**

**Wakaf** adalah juga disebut sedekah jariah (sedekah yang berterusan) di mana harta itu perlulah bersifat kekal. Ganjaran pahala pewakaf akan mengalir dan berkekalan selagi harta yang diwakafkan itu boleh diambil manfaatnya. Contohnya dengan wang RM10 yang pewakaf wakafkan akan dikumpul dalam satu tabung kumpulan wang wakaf dan kemudiannya akan digunakan untuk membiayai pembinaan masjid. Selagi masjid itu kekal berada disitu, selagi itu pahala kita akan terus mengalir. *Insyallah.*

**Sedekah** adalah ibadah yang kita lakukan dimana pahalanya adalah hanya untuk ketika bersedekah. Contohnya jika kita bersedekah wang kepada seorang peminta sedekah. Kemudiannya dia akan menggunakan wang itu untuk membeli makanan, setelah habis makanan itu dimakan maka pahala bersedekah hanya setakat di situ.

**15. Apakah perbezaan antara wakaf dan zakat?**

*Hukum zakat adalah wajib dimana penerimanya telah ditentukan asnafnya manakala hukum wakaf adalah sunat dan penerima wakaf pula adalah lebih meluas.*

**16. Apakah faedah berwakaf?**

*"Sumbangan derma dikecualikan daripada Cukai Pendapatan dibawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 No. Rujukan LHDN.01/35/42/51/179-6.5621 No warta kerajaan bertarikh 27.07.2004". Individu layak untuk mendapat pengecualian cukai sebanyak (7%) manakala bagi Syarikat pengecualian cukai LHDN adalah sebanyak (10%) yang ditolak daripada pendapatan agregat.*

*\*zimmi: orang bukan Islam yang tinggal di dalam wilayah pentadbiran umat Islam, Mereka mengikut peraturannya, membayar cukai, dan tidak memusuhi Islam.*

*\*\*taqarrub: usaha untuk mendekati diri kepada Allah.*